

**NOTIS PEMBERITAHUAN**



**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA BAZAR RAMADHAN TAHUN 1440H / 2020M  
BAGI TAPAK BAZAR RAMADHAN  
STADIUM PAROI, BANDAR BARU AMPANGAN, PASAR AMPANGAN DAN DATARAN SENAWANG**

**TARIKH PERMOHONAN**

**21 REJAB 1441H / 16 MAC 2020M HINGGA 6 SYAABAN 1441H / 31 MAC 2020M**

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

1. Syarat dan kelayakan permohonan
  - 1.1 Pemohon adalah warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh tutup permohonan.
  - 1.2 Daftar Pemilih / Pengundi di Negeri Sembilan ( bagi pemohon berumur 21 tahun ) .
  - 1.3 Tinggal dan bermastautin di Negeri Sembilan.
  - 1.4 **Mendapat pengesahan dari Pusat Khidmat DUN di kawasan berkenaan**  
**Contoh : Tapak Pasar Ampangan : Pusat Khidmat DUN Ampangan**
  - 1.5 Tidak mempunyai rekod kompaun majlis. (Menjelaskan kompaun jika ada)
  - 1.6 Hanya pemohon dibenarkan mengemukakan permohonan (Wakil Tidak Dibenarkan).
  - 1.7 Setiap pemohon dibenarkan mengemukakan 1 permohonan dengan 1 petak sahaja.
  - 1.8 **Menjelaskan bayaran pendahuluan berjumlah 50% dari kadar bayaran petak yang ditetapkan. Bayaran ini akan dikembalikan sekiranya pemohon gagal mendapat petak semasa sesi undian.**
2. Dokumen yang perlu dibawa semasa permohonan (Pemohon Dan pembantu)
  - 2.1 Kad pengenalan asal dan salinan
  - 2.2 Salinan lesen premis perniagaan atau lesen penjaja Majlis Bandaraya Seremban / Majlis Perbandaran Seremban / Majlis Perbandaran Nilai (Sekiranya ada)
  - 2.3 Salinan Pendaftaran Syarikat (SSM)  
- **Bagi pemohon petak saiz 20' x 20'.**
  - 2.4 Salinan pengesahan Daftar Pemilih (Rekod Suruhanjaya Pilihan Raya) bagi pemohon berumur 21 tahun ke atas.
  - 2.5 2 keping gambar berwarna terbaru pemohon (ukuran pasport)
  - 2.6 Salinan Sijil Tamat Kursus Pengendalian Makanan dan kad/surat Anti Typhoid yang masih sah bagi pemohon makanan/minuman sahaja.
3. Kadar Bayaran :
  - 3.1. Bayaran Proses ➤ RM 20.00
  - 3.2. Bayaran Pengurusan / Permit ➤ RM 100.00
  - 3.3. Patil ➤ RM 5.00
  - 3.4 Bayaran Tapak :

Bil	Lokasi	Waktu Perniagaan	Saiz Petak	Kemudahan Disediakan	Kadar Bayaran (RM)
i)	Stadium Paroi	3.00Ptg – 7.30 Mlm	10' x 10'	Kanopi, Elektrik,Kawalan Lalulintas & Pembersihan	400.00
ii)	Bandar Baru Ampangan	8.00 Mlm – 1.00 Pagi	10' x 10'	Kanopi, Elektrik,Kawalan Lalulintas & Pembersihan	900.00
			20' x 20'		3,200.00
iii)	Pasar Ampangan	3.00Ptg – 7.30 Mlm	10' x 8'	Kanopi, Elektrik,Kawalan Lalulintas & Pembersihan	800.00
iv)	Dataran Senawang	8.00 Mlm – 1.00 Pagi	10' x 10'	Kanopi, Elektrik,Kawalan Lalulintas & Pembersihan	900.00
			20' x 20'		3,200.00
			10' x 10'	Kawalan Lalulintas & Pembersihan	175.00
			Food Truck	Kawalan Lalulintas & Pembersihan	350.00

4. **Cara memohon :**
  - 4.1 Melengkapkan borang permohonan. Borang permohonan boleh didapati secara percuma di kaunter :
    - i) Jab. Pembersihan & Kesihatan Persekitaran, Tingkat Bawah, Wisma Bandaraya , Lot 24392, Persiaran Forest Heights 1, Jalan Seremban Tampin, 70450 Seremban, NSDK
    - ii) Muat turun dari laman sesawang Majlis Bandaraya Seremban [www.mbs.gov.my](http://www.mbs.gov.my) dan dicetak menggunakan kertas berwarna biru.
  - 4.2 Borang Permohonan hendaklah ditandatangani / disahkan dan disertakan dengan semua dokumen yang dikehendaki seperti syarat-syarat permohonan dan dihantar ke alamat seperti para (i) di atas **sebelum tarikh tutup permohonan.**
  - 4.3 **BORANG PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP DIISI/TIDAK MEMENUHI SYARAT AKAN DITOLAK.**

**Peringatan :**

**Tuan / Puan tidak dibenarkan berniaga sebelum permit bazar ramadhan dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Seremban .**

**JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**